

**PENGGISAHAN DALAM AL-QURAN : KAJIAN  
INTERTEKSTUALITI ANTARA KISAH NABI MUSA A.S  
DENGAN NOVEL ‘SUNAN MUSAFIR’ KARYA  
RAMLEE AWANG MURSYID**

SYAFAWATI BINTI SALIHAN  
([Syafawati@uniten.edu.my](mailto:Syafawati@uniten.edu.my))

MUHAMMAD HAFIZAN BIN ABD. HAMID  
([MHafizan@uniten.edu.my](mailto:MHafizan@uniten.edu.my))

Jabatan Bahasa dan Sains Sosial  
Kolej Pengajian Asas dan Diploma  
Universiti Tenaga Nasional

**ABSTRAK**

*Memahami isi kandungan al-Quran merupakan tanggungjawab utama yang perlu dilaksanakan oleh seluruh umat Islam. Pelbagai kaedah dan medium penyampaian telah digunakan dalam usaha menyetengahkan isi kandungan al-Quran secara aplikasi dalam kehidupan seharian. Kajian ini akan menonjolkan kolerasi yang terdapat antara kisah Nabi Musa a.s dalam al-Quran dengan watak utama dalam Novel Sunan Musafir karangan Ramlee Awang Mursyid. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metod analisa tematik pada bahan kajian. Hasil kajian mendapati, terdapat tujuh persamaan antara kisah Nabi Musa a.s dengan watak utama dalam novel Sunan Musafir. Penelitian terhadap persamaan elemen pengkisahan ini merupakan satu tinjauan awal yang penting, bagi membuktikan bahawa adaptasi kisah serta pengajaran al-Quran dalam konteks semasa mampu dilakukan dengan lebih luas dan menarik, selaras dengan perkembangan intelektual manusia dan kemajuan media semasa. Pemahaman kisah-kisah al-Quran dalam dimensi yang lebih luas membantu untuk menyetengahkan al-Quran ke dalam masyarakat dengan cara fikir dan terjemah yang lebih kreatif, selain memberi manfaat kepada seluruh umat Islam dalam usaha memenuhi tanggungjawab untuk memahami isi kandungan al-Quran.*

**Kata Kunci :** *Intertekstual. Rukun Dakwah. Kisah Nabi Musa. Novel Sunan Musafir*

## PENGENALAN

Kisah-kisah yang terdapat dalam al-Quran merangkumi perihal nabi-nabi terdahulu, umat-umat terdahulu serta peristiwa yang berlaku kepada Nabi Muhammad s.a.w. (Nuh Faqir, 2003, 205). Allah SWT menceritakan kisah-kisah para nabi, tokoh-tokoh, dan umat terdahulu agar dapat menjadi teladan (*uswah Īsanah*) dan pelajaran (*'ibrah*) bagi kita semua. (Surah YĒsuf, 12:111). Abdul Mustaqim (2011) menjelaskan, hal ini sejalan dengan kondisi psikologi manusia yang memang menyukai cerita. Bahkan yang menarik adalah bahawa ayat-ayat al-Qur'an berisi tentang kisah ternyata lebih banyak dibanding ayat-ayat hukum. 'Amru Khalid (2014) menegaskan, kisah nabi-nabi dalam al-Quran seharusnya menjadi panduan utama kepada pendakwah, terutama berkenaan kaedah menyampaikan ajaran Islam kepada sasaran selain isi kandungan dakwah tersebut.

Kisah Nabi Musa merupakan kisah yang paling banyak dimuat dalam al-Qur'an. Kisah ini termaktub dalam lebih dari tiga puluh surah, dengan nilai-nilai tauhid dan moral sebagai tumpuan utama pengajaran dari kisah-kisah baginda. (M. Faisol, 2017). Kajian-kajian yang telah dijalankan berkenaan kisah nabi-nabi dalam al-Quran membuktikan bahawa elemen yang wujud dalam kisah-kisah tersebut memiliki kepelbagaian manfaat untuk dipelajari dan diteliti. Perkara ini dapat dirumuskan dalam empat ciri utama iaitu peribadi nabi, individu atau kumpulan yang terlibat dalam komunikasi, atau mesej serta metod penyampaian mesej tersebut. Rumusan ini dilihat ini selari dengan elemen yang terdapat dalam rukun dakwah.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Persembahan kisah nabi-nabi serta pengajarannya dalam medium-medium masa kini dapat dilihat, sama ada melalui media cetak atau bahan bacaan, serta media elektronik. Antara medium cetak yang menjadi saluran penyampaian mesej ini adalah novel. Penulisan novel Islamik merupakan salah satu inisiatif yang dipraktikkan pada masa kini. Menggunakan penulisan novel Islamik sebagai satu medium dakwah merupakan satu usaha yang lebih dekat dengan jiwa generasi muda pada masa kini. Kesusasteraan Islam (novel) merupakan karya umat Islam yang diniatkan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT dan berkhidmat kepada manusia sejagat. (Nor Syuhada, 2012). Para pengarang seperti Habiburrahman El-Shirazy memunculkan karya Islam pada waktu yang tepat dan kerjasama penerbit mengimejkan bentuk novel popular Islam meluaskan lagi pengedarannya. Berbeza dengan Indonesia, pasaran novel-novel popular Islam di Malaysia melalui batasan autoriti kerajaan. Tema keislaman yang dibenarkan adalah tidak menyinggung dasar-dasar kerajaan. (Koh Young Hun, Umami Hani Abu Hasan, 2015)

Selain novel-novel berunsur Islam secara langsung, mesej Islam dalam penulisan novel bukan berunsur Islam juga mula mendapat tempat. Novelis Ramlee Awang

Mursyid telah menggarap elemen Islam yang jelas dalam novel-novel karangan beliau. Walaupun genre penulisan beliau adalah bersifat aksi atau seram, namun kekuatan watak utama yang selari dengan elemen dalam al-Quran merupakan unsur dominan yang menguasai perjalanan pengkisahan tersebut. Perkara ini selari dengan prinsip beliau sendiri dalam penulisan, iaitu mencari keberkatan Allah SWT. (Sinar Harian, 2014). Walau bagaimanapun, perkara tersebut tidak diketengahkan. Terdapat satu kajian yang ditemui berkaitan pengaruh Ramlee Awang Mursyid dikalangan pembaca tegar novel-novel berunsur seram dan aksi (*thriller*). (Suhaimi Abdul Aziz, 2010). Maka, membuktikan kolerasi novel beliau dengan mesej al-Quran serta mengetengahkan beliau sebagai novelis dan da'ie menjadi fokus utama kajian ini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan komparatif, iaitu kajian berbentuk perbandingan antara pengajaran yang dikeluarkan dari kisah Nabi Musa a.s dalam al-Quran, dengan elemen dalam novel Sunan Musafir karangan Ramlee Awang Mursyid.

Data dikumpul dengan merujuk kepada al-Quran serta novel Sunan Musafir secara khusus, serta bahan bacaan lain seperti tesis-tesis, jurnal serta bahan bacaan yang mengandungi perkara berkaitan kisah nabi-nabi dalam al-Quran atau ulasan berkenaan novel-novel karangan Ramlee Awang Mursyid.

## **KISAH NABI MUSA A.S DALAM AL-QURAN**

Nabi Musa a.s merupakan salah seorang dari rasul ulul 'aḍmi, yang diutuskan kepada Bani Israil. Baginda dikurniakan Taurat sebagai panduan buat umat manusia pada ketika itu. Kisah Nabi Musa a.s merupakan kisah yang paling banyak diceritakan di dalam al-Quran. Ini kerana signifikan perjalanan kehidupan dan perjuangan Nabi Musa a.s dengan kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. Nabi Musa a.s disebut sebanyak 136 kali, dalam 34 surah yang berbeza. (Dr. Shauqi Abu Khalil, 2006, 83). Antaranya surah al-Baqarah, al-A'rḥf, ŪÉhÉ, a-AnbiyÉ', al-Qaġaġ dan al-Syu'arÉ'.

Kisah baginda bermula dengan cabaran sewaktu bayi (28:7-13), kehidupan di istana Fir'aun (28:9), pembunuhan lelaki bangsa Qibti (28:15), pertemuan dengan dua wanita Madyan (28:23-28), berbicara dengan Allah SWT dan menerima wahyu serta arahan kembali kepada Fir'aun dan kaumnya untuk tujuan seruan kepada menyembah Allah SWT (28:30-32)(20:11-24), perdebatan sihir dengan ahli sihir Fir'aun dan pengislaman ahli sihir (20:65-76), kisah laut yang terbelah serta cabaran kemunafikan Bani Israil pada fasa selepas laut terbelah. Kebenaran kisah laut terbelah ketika zaman Nabi Musa a.s dibuktikan melalui kajian yang dibuat oleh sekumpulan saintis yang mengkaji beberapa peta kuno Delta Sungai Nil. (Akhbar Kosmo, 2010). M.Faisol (2017) meringkaskan kehidupan Nabi Musa a.s kepada enam fasa utama, iaitu kelahiran dan kehidupan Musa di istana raja Fir'aun di Mesir, Musa membunuh salah seorang

penduduk Mesir dan melarikan diri menuju Madyan, Musa kembali ke Mesir dan diutus menjadi Rasul untuk membebaskan Bani Israil dari kezaliman Fir'aun, Musa meninggalkan Mesir menuju Palestina, Musa bertemu dengan Tuhan untuk kedua kalinya dan Musa dengan kaumnya; pertemuan Musa dengan Khidir.

Terdapat beberapa nilai utama serta pengajaran yang dapat dikeluarkan hasil penelitian terhadap kisah kehidupan Nabi Musa a.s dalam al-Quran :-

i. Tawakkal kepada Allah SWT.

Pendakwah yang mengajak manusia kepada Allah SWT tidak mempunyai tempat perlindungan selain dari Allah SWT, itulah tempat perlindungan yang aman, kukuh dan kuat. (Syed Qutb, Tafsîr fî ÚilÉl). Nilai tawakkal Nabi Musa a.s dapat dilihat dalam setiap keadaan yang dihadapi oleh baginda. Nilai ini juga menjadi salah satu titik persamaan kisah nabi-nabi yang terdapat dalam al-Quran. Sebagai contoh, ketika Fir'aun mengugut untuk mencederakan Nabi Musa a.s dan pengikutnya, Nabi Musa a.s lantas mengingatkan kaumnya agar memohon pertolongan Allah SWT dan bersabar atas keadaan yang sedang dihadapi. (7:128).

Nilai tawakkal ini juga terserlah, tatkala Nabi Musa a.s menuju ke Madyan, setelah baginda lari meninggalkan tempat tinggalnya akibat peristiwa pembunuhan lelaki Qibti. (28:22). Nabi Musa a.s juga menzahirkan keyakinan kepada Allah SWT ketika tentera Fir'aun menghampiri kedudukan mereka, dan kaumnya pula berputus asa. (20:61-62)

ii. Taat kepada perintah Allah SWT.

Ketika menerima perintah untuk kembali kepada Fir'aun dan kaumnya, Nabi Musa a.s menurut arahan Allah SWT. (20:47). Malah Nabi Musa a.s juga menurut perintah Allah SWT ketika diarahkan untuk melemparkan tongkatnya lalu menjadi ular, dan diarahkan untuk memegang ular tersebut dengan jaminan ia akan kembali ke bentuk asal. (20:19-21). Laut yang terbelah juga adalah tanda ketaatan Nabi Musa a.s kepada perintah Allah SWT yang mengarahkan baginda untuk memukul tongkat di permukaan laut. (26:63).

iii. Kesabaran yang tinggi.

Dalam surah al-Baqarah, ketika Nabi Musa a.s berhadapan dengan karenah soalan-soalan Bani Israil berkaitan perihal sapi betina yang perlu dikorbankan, Nabi Musa a.s menjawab segala pertanyaan mereka sehingga akhirnya mereka menemui sapi betina yang diperlukan.(2:67-73). Nabi Musa a.s turut bersabar ketika Bani Israil meminta bermacam-macam permintaan (2:60-61), malah Nabi Musa a.s turut bersabar ketika

mereka enggan menurut perintah memasuki Tanah Suci yang dijanjikan (Palestin). (5:21-22).

iv. Yakin dalam menyampaikan kebenaran.

Ketika berhadapan dengan Fir'aun, Nabi Musa a.s tetap teguh menyampaikan pesan agama dengan mengajak mereka beriman kepada Allah SWT dan menjawab segala pertanyaan Fir'aun dengan yakin. (20:47-55). Nabi Musa a.s memperincikan dakwahnya tentang siapa yang berhak disebutkan menjadi Tuhan, di mana kekuasaan Fir'aun tidak akan sekali-kali mampu menandinginya. (Hamka, 2015, Jil. 5). Malah, ketika diajak untuk bertarung ilmu sihir dengan ahli sihir Fir'aun, Nabi Musa a.s tidak gentar dan menerima tawaran tersebut. (20:64-69).

v. Lemah lembut dalam berdakwah

Allah SWT berpesan kepada Nabi Musa a.s agar berlemah lembut ketika berbicara dengan Fir'aun, agar mereka ingat kepada Allah SWT atau lahir rasa takut kepada Allah SWT. (20:44). Ibn Kathir (2003, Jil. 5) memberikan kesimpulan pendapat ulama' tafsir berkenaan ayat ini, dengan menjelaskan bahawa seruan kepada Fir'aun disampaikan dengan lemah lembut, agar perkara itu dapat menyentuh jiwa, lebih mendalam dan mengenai sasaran.

vi. Mengakui kelemahan diri.

Ketika menerima wahyu dari Allah SWT untuk kembali kepada Fir'aun dan kaumnya dengan misi dakwah, Nabi Musa a.s menzahirkan rasa takut baginda utuk berhadapan dengan Fir'aun, disebabkan kesalahan yang pernah baginda lakukan.(28:33) (20:45-46). Selain itu, Nabi Musa a.s turut memohon agar Harun a.s turut sama dalam misi dakwah itu, kerana kefasihan Harun a.s. (28:34).

vii. Membantu mereka yang memerlukan.

Ketika melihat dua orang wanita Madyan ingin mengambil air, Nabi Musa a.s menawarkan bantuan kepada mereka untuk mendapatkan air yang diperlukan. (28:23-24)

Nabi Musa a.s juga dipertemukan dengan pelbagai watak manusia seperti mana yang dikisahkan dalam al-Quran. Abdul Mun'im (2000) menjelaskan, terdapat lebih dari 10 peribadi berbeza yang dikaitkan dengan kisah Nabi Musa a.s. Antara mereka yang disebutkan adalah ibu Nabi Musa a.s (20:7), kakak Nabi Musa a.s (7:11), orang lelaki beriman yang membela Nabi Musa a.s (40:28), isteri Fir'aun (66:11), Fir'aun, Ham'En (28:38), Q'Er'En (28:76), S'Emiri (20:95), pembesar-pembesar Fir'aun (7:127) dan hamba Allah yang memiliki ketinggian ilmu dan hikmah (18:60-82).

## KOLERASI KISAH NABI MUSA A.S DENGAN NOVEL SUNAN MUSAFIR

Ramlee Awang Mursyid merupakan seorang novelis terkenal di Malaysia dengan gaya penulisan yang mencabar minda, jalan cerita yang penuh dengan aksi serta gaya bahasa dalam novel yang tersusun. Antara novel yang terkenal karangan beliau adalah koleksi kisah berkenaan Laksamana Sunan, yang menjangkau 6 buah novel. Novel-novel tersebut adalah Bagaikan Puteri, Cinta Sang Ratu, Hijab Sang Pencinta, Cinta Sufi, Sutera Bidadari dan yang terakhir Sunan Musafir, yang menjadi fokus kepada kajian ini.

Karya bersiri ini mengisahkan kehidupan seorang pemuda bernama Saifudin Jalis, yang mendapat gelaran Laksamana Sunan. Perjuangan utama Laksamana Sunan adalah menegakkan agama Allah SWT di tempat beliau berada, menentang kezaliman dan kuasa jahat yang cuba bertapak di tempat-tempat tersebut. Perjuangan ini bersulam dengan pengembaraan beliau yang digambarkan merentasi relung masa dan bertemu dengan pelbagai jenis musuh. Novel Sunan Musafir mengisahkan pengembaraan Laksamana Sunan mencari isterinya yang digambarkan telah mati dalam novel sebelum ini, namun dikhabarkan masih hidup dan memerlukan pertolongan Laksamana Sunan untuk pulih.

Kekuatan pada watak utama dalam karya bersiri ini, iaitu Laksamana Sunan menyerupai unsur yang dapat dipelajari dari kisah Nabi Musa a.s. Perkara ini dominan pada setiap babak yang menampilkan kemunculan watak utama, namun unsur ini tidak pernah diketengahkan kepada masyarakat. Perincian bagi perkara ini dapat difahami melalui jadual dibawah. Huraian dibuat dengan membawa unsur pengajaran dari kisah Nabi Musa a.s bersama dengan beberapa petikan dari novel Sunan Musafir.

i. Tawakkal kepada Allah SWT	
<p>Dalam hal pendidikan beragama, Saifudin amat berhati-hati sekali. Dia menuruti saranan cara Rasulullah s.a.w mendidik anak-anak walaupun menyedari tidak sehebat junjungan mulia kekasih ALLAH itu. Saifudin bermuhasabah diri, mencari di mana pincang pengajarannya sehingga Andika sukar sekali mengerjakan ibadah sunat pada sepertiga malam. Sampai ke hari ini, dia belum menemui sebarang jawapan. Maka Saifudin semakin banyak berdoa.</p>	<p>Nilai tawakkal Laksamana Sunan turut terlihat tatkala dia menyedari kepincangan tingkah laku anaknya yang lalai dalam ibadah sunat. (Halaman 33)</p>

<p>Selajur dia bangkit dan berlekas menapak ke serambi musolah. Suara deraman itu semakin jelas kedengaran. Dari celah belukar, Saifudin ternampak sepasang mata yang berkilau yang dipercayai seekor harimau. Namun, Saifudin langsung tidak berganjak.</p> <p>“Dengan nama ALLAH Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Dengan nama ALLAH yang dengan nama-NYA itu tidak akan mendatangkan mudarat sesuatu pun sama ada di langit atau di bumi, dan DIALah ALLAH Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.” Saifudin melafazkan doa mengelakkan mudarat. Tiada daya dan kekuatan melainkan pertolongan ALLAH – Saifudin bertawakal dalam siaga.</p> <p>“Takutlah pada ALLAH!” kata Saifudin.</p> <p>Sepasang mata berkilau di celah belukar menunduk dan berkerdip beberapa kali. Suara deraman yang mendengus perlahan-lahan mengundur. Selajur tetamu yang tidak diundang itu pun berundur. Meredah semak belukar dalam keadaan menyelinap. Tidaklah tetamu itu memperlihatkan dirinya kecuali memperdengarkan ngauman sahaja. Seraya itu juga Saifudin memanjatkan kesyukuran ke hadrat ILAHI.</p>	<p>Laksamana Sunan menyedari kehadiran dua ekor harimau berhampiran rumahnya. Namun, apa yang dilafazkan adalah seruan agar mereka takut kepada Allah SWT serta membaca ayat pelindung, tanda melindungi diri dengan Allah SWT. (Halaman 12)</p>
<p>“Oh... penghulu sudah pun bercerita.” Gimbaran sungguh angkuh sekali.</p> <p>“Benar.” Saifudin berhati-hati.</p> <p>“Penghulu telah mengkhabarkan tawaranku?” tanya Gimbaran.</p> <p>“Kita menolaknya.” Saifudin bertegas.</p> <p>“Hmm... sungguh berani sekali!” bentak Gimbaran agak marah.</p> <p>“Kita tidak akan tunduk sama sekali pada tawaranmu, Gimbaran!” balas Saifudin.</p> <p>“Aku akan paksamu menunduk!” Gimbaran merengus kencang.</p> <p>“Kita hanya tunduk pada ALLAH. Kau juga makhluk ciptaan ALLAH.”</p> <p>Wajah Gimbaran berubah riak apabila Saifudin menyebut nama ALLAH. Kemudian... Saifudin membacakan ayat-ayat Ruqyah. Bacaan dilafazkan secara tertib. Gimbaran resah. Dia melakukan serangan mendadak, tapi terhumban ke belakang</p>	<p>Ketika berhadapan dengan makhluk jahat, Laksamana Sunan masih kekal menzahirkan pendiriannya berkaitan tauhid, serta berusaha dengan menzahirkan pergantungan kepada Allah SWT melalui bacaan ayat-ayat ruqyah.</p>

<p>ii. Taat kepada perintah Allah SWT</p> <p>“Kenali ALLAH terlebih dulu sebelum menjadi pendekar. Agama akan menjadi akhlak terpuji seperti akhlak teragung junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. Menjadi pendekar tanpa agama ibarat berjalan di dalam gelap tanpa bersuluh. Iblis dan syaitan sentiasa bersungguh menyesatkan manusia, sekali gus menerbitkan kemegahan diri. Kemudian... kita akan menjadi bongkak, sombong dan takbur. Ingat itu.” Saifudin memberi nasihat dengan tutur kata yang sangat berhemah.</p> <p>“Apakah Kiai sedang berkhotbah?” Gadul berhenti mengunyah.</p> <p>“Jadi... kita perlu mendalami agama sebelum menjadi pendekar, bapa?”</p> <p>“Ikhlas beribadat kepada ALLAH dan bukan semata-mata hendak menjadi pendekar. Berdoalah supaya setiap amalan ikhlas kepada ALLAH kerana manusia tidak lepas daripada perasaan riak, menunjuk-nunjuk dan suka dipuji. Khalifah Umar al-Khattab adalah sahabat Rasulullah s.a.w yang sudah dijanjikan Syurga kepadanya pun masih berdoa supaya dirinya ikhlas dalam beramal. Doa Umar... ‘Ya ALLAH... jadikanlah amalku soleh semuanya dan jadikanlah ia ikhlas kerana-MU dan janganlah ENKAU jadikan untuk seseorang daripada amal itu sedikit pun’. Ingat... sabar dan ikhlas itu Islam.” Panjang lebar Saifudin menjelaskan dengan harapan putera tunggalnya bersama rakan sebayanya, Gadul terbuka hati untuk memanfaatkan nasihatnya itu.</p> <p>“Hmm... susahnya menjadi pendekar,” keluh Gadul.</p>	<p>Kekuatan utama seorang pendekar adalah ketaatan kepada Allah SWT. Inilah yang diajarkan oleh Laksamana Sunan kepada anaknya. (Halaman 25)</p>
<p>PERJALANAN berlanjutan selama beberapa hari. Hatta... perjalanan diteruskan juga pada waktu malam. Mereka hanya berhenti rehat ketika waktu solat. Rehat mereka agak panjang sedikit tatkala masuknya waktu sepertiga malam. Itu pun atas permintaan Saifudin sendiri. Dan semakin hari jiwanya semakin pulih. Kecergasannya pula beransur sembuh. Cuma dia memerlukan rehat yang panjang untuk memulihkan seluruh tenaga.</p> <p>Kini, pada sepertiga malam ini, mereka sudah berada di kaki sebuah pergunungan dalam wilayah jajahan empayar Uthmaniyyah, tidak jauh dari kawasan pesisir Laut Hitam.</p>	<p>Walaupun dalam permusafiran yang panjang, Laksamana Sunan mengutamakan waktu solat untuk berhenti, terutamanya solat malam. (Halaman 95)</p>

<p>“Benar, Kiai. Lelaki pembengis itu menggunakan rantai sebagai senjata.” Dalam tercungap dan tangisan, Gadul rancak bercerita.</p> <p>“Apa yang tuan Kiai Kelana hendak lakukan?” Sayed al-Mutakhir bertanya.</p> <p>Saifudin tidak lekas menjawab. Dia tampak berfikir panjang. Selajur mendongakkan kepala ke langit, dia mengagak-agak kedudukan matahari berdasarkan bayangan dirinya sendiri kala ini. Selajur Saifudin menghela nafas panjang</p> <p>“Ada baik... kita semua solat dulu. Sudah masuk waktu.” Saifudin tanpa mengulas apa-apa terus meninggalkan Gadul berserta Sayed al-Mutakhir di pondok kecil yang tidak berdinging.</p> <p>Sayed al-Mutakhir menoleh pada Gadul yang sedang bergelumang air mata.</p> <p>“Kiai... hamba lapar!” Gadul merengek.</p> <p>“Makanlah dulu.” Saifudin terus menaiki anak-anak tangga masuk ke dalam musolah.</p> <p>“Mengapa tuan Kiai Kelana tidak mempedulikan anaknya sendiri?” Sayed al-Mutakhir kehairanan melihat sikap bersahaja Saifudin biarpun Andika kini sedang dilanda musibah. Dia juga pelik menyaksikan ulah Gadul yang makan penuh berselera dengan linangan air mata yang masih mengalir di pipi.</p> <p>“Selepas solat... Kiai pasti akan ke Hulu Melaka.” Gadul memberitahu.</p>	<p>Laksamana Sunan mendahulukan urusan Allah SWT (solat), walaupun ketika itu dia baru mendapat perkhabaran bahawa anak tunggalnya telah ditangkap oleh musuh yang kejam. (Halaman 63)</p>
<p>“Lekaslah... rugi membiarkan sepertiga malam berlalu begitu saja.” Saifudin masuk semula ke dalam musolah. Membiarkan pintu musolah terbuka luas-luas tanpa gentar dikunjungi sebarang bahaya yang digelar tetamu tidak diundang.</p> <p>Sementara Andika terus menapak ke dalam rumah, menutup pintu rapat-rapat. Mendapatkan semula tempat pembaringan. Melengkungkan tubuh berselubung sarung dalam keadaan gementar dan kesejukan. Hembusan nafas syaitan telah memberati semula kelopak matanya sehingga Andika terlelap semula.</p>	<p>Laksaman Sunan turut konsisten menasihati anaknya agar taat beribadah kepada Allah SWT, dan</p>
<p>“Kami bukan hendak menikah, bapa. Kami berkawan saja dulu.” Andika masih mempertahankan cinta sucinya terhadap Yang Suri. Anak muda itu berani meluahkan rasa atas sikap terbuka yang ditunjukkan Saifudin.</p> <p>“Bapa menyarankan agar Andika menyerahkan dulu cinta suci itu pada ALLAH. Berdoalah pada ALLAH agar diberikan jodoh yang baik. Apabila cinta pada ALLAH itu subur, maka nescaya ALLAH akan menganugerahkan Andika cinta fitrah yang sangat hebat dan luar biasa laksana bidadari di Syurga.” Saifudin menyampaikan nasihat penting.</p> <p>“Apakah... Yang Suri bukan jodoh yang baik?” Andika menangkah lagi.</p>	<p>mendahulukan urusan dengan Allah SWT dalam apa juga topik yang dibincangkan. (Halaman 13) (Halaman 119)</p>

<p>iii. Kesabaran yang tinggi</p> <p>“Jika tuan hamba ingkar... Harimau Berantai akan menghabiskan tuan hamba.” Panglima Deris menuding jari telunjuk ke arah lelaki yang melingkarkan tubuhnya dengan rantai.</p> <p>Saifudin segera mengerling ke arah lelaki berwajah pembengis itu.</p> <p>“Ingat itu!” Panglima Deris berserta gerombolannya pun berlalu pergi.</p> <p>Saifudin tercegat tidak berganjak. Harimau Berantai mendekatinya.</p> <p>“Nama hamba... Nayan. Hamba digelar.. Harimau Berantai.” Nayan si Harimau Berantai menderam-deram. Meludah ke sebelah kiri.</p> <p>Laksamana Sunan digertak. Dan seperti tadi... Saifudin hanya mendiamkan diri sahaja. Dia ditinggalkan pergi tanpa diusik.</p> <p>Setelah gerombolan Panglima Deris itu lenyap daripada pandangan, Saifudin pun meneruskan kerjanya yang belum selesai. Dia berlagak seperti tidak ada apa-apa yang berlaku sebentar tadi. Saifudin tetap tenang. Zikirullah terus membasahi lidahnya.</p>	<p>Walaupun berhadapan dengan musuh yang menggertak dengan kasar, Laksamana Sunan mempamerkan kesabaran yang tinggi dan sentiasa tenang, jelas dengan kunci zikrullah. (Halaman 16)</p>
<p>“Mukhlis!” Sayed al-Mutakhir menepuk badan harimau jadi-jadian itu.</p> <p>Serta-merta Mukhlis berubah wujud semula menjadi manusia lalu tersengih-sengih.</p> <p>Yedee dan Luna pun perlahan-lahan menjatuhkan busur berserta anak panah masing-masing. Ternyata Saifudin tidak menyukai perbalahan yang hampir tercetus.</p> <p>“Kamu jangan takbur!” Keras Sayed al-Mutakhir menegur.</p> <p>“Ketewasan bermula dari dalam diri kita sendiri!” tegas Saifudin berkata.</p> <p>“Err... maafkan aku, Laksamana Sunan.” Lekas Mukhlis menyatakan kesalnya.</p> <p>“Tujuan kita memanggil kalian untuk mengadakan kesepakatan, bukan untuk menunjuk-nunjuk... berlebihan mempamerkan kejaguhan yang dimiliki. ALLAH sangat membenci hamba-hamba-NYA yang menyombong diri. Perbalahan di langit bermula dengan ketakburan iblis yang enggan sujud pada Nabi Adam as atas perintah ALLAH.” Wajah Saifudin tampak kemerah-merahan. Berusaha bersabar mengawal diri daripada dikuasai amarah kerana marah itu api dan api itu pula membinasakan.</p> <p>“Maaf... mungkin aku yang tersilap bertanya,” kata Luna.</p> <p>“Marilah kita berlindung pada ALLAH daripada syaitan yang direjam,” ujar Saifudin.</p>	<p>Laksamana Sunan bukan hanya mempamerkan tahap kesabaran yang tinggi, malah mampu menasihati sahabat-sahabat seperjuangannya yang hamper bertelagah antara satu sama lain, dengan pesan dakwah berunsur tauhid berkaitan kepentingan sabar dan membesarkan Allah SWT. (Halaman 362)</p>

<p><b>S</b>ELAMA setengah hari perjalanan pulang ke kampung, Saifudin mendukung Andika di belakang. Kudratnya masih luar biasa hebat biarpun sudah berusia. Hatta dia menolak tawaran Sayed al-Mutakhir dan Gadul untuk bergilir-gilir memapah Andika. Penolakan itu tanpa sebarang alasan. Sepanjang perjalanan, Saifudin hanya membisu seribu bahasa. Yang terlafaz hanyalah zikirullah sahaja. Dia pasrah pada ketentuan ILAHI.</p> <p>Apabila diajak Sayed al-Mutakhir berbual, Laksamana Sunan tidak menyahut. Sekadar meleretkan bibirnya sahaja membentuk senyuman. Perubahan perlakuan itu amat menggusarkan Sayed al-Mutakhir sendiri. Namun, kekhuatiran Gadul pula lebih tertumpu pada hari ketiga selepas hari ini berlalu. Pada hematnya, tentu Saifudin yang hanya dikenalnya sebagai Kiai Kelana akan maut di</p>	<p>Situasi ini mengisahkan keadaan Laksamana Sunan setelah berjaya melepaskan anaknya yang cedera dari terus ditawan oleh musuh.</p>
<p>Selajur Saifudin melafazkan pujian pada Maha Pencipta. Dengan nama ALLAH Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang sebanyak tiga kali. Kemudian, dia melanjutkannya dengan doa ini. “Aku berlindung kepada kebesaran ALLAH dan kekuasaan-NYA, daripada kejahatan apa yang aku derita dan yang aku khawatirkan.” – sebanyak tujuh kali. Doa ini sebenarnya mengubati diri sendiri, tapi diucapkan sebagai mewakili Andika kerana putera tunggalnya itu tidak berupaya kala ini.</p> <p>Sayed al-Mutakhir dan Gadul hanya mampu memerhatikan kerana Saifudin tidak mengizinkan mereka membantu apa-apa. Selesai sahaja menguruskan Andika, Saifudin pun turun ke bawah dan duduk bersila di pondok kecil tidak berdingin. Laksamana Sunan itu memilih untuk memencil diri buat seketika.</p> <p>Sebenarnya, Saifudin menenggelamkan diri dengan</p>	<p>Beliau dilihat tenang menghadapi keadaan dengan berzikir, Pada hakikatnya, beliau sedang mengawal kemarahannya kerana perbuatan yang dilakukan oleh penjahat kepada anaknya. (Halaman 69,70,71)</p>
<p>istighfar. Amarah sedang bergelumang dalam jiwanya kala ini. Kemarahan itu merupakan pintu dosa, maka Saifudin sedar akan kesilapan dan dosa itu. ALLAH dengan sifat-NYA Yang Maha Pengampun, Pengasih dan Penyayang membuka peluang kepada setiap insan untuk memohon keampunan pada setiap waktu dan di mana sahaja mereka berada.</p>	

<p>iv. Yakin dalam menyampaikan kebenaran</p>	
<p>“Terimalah tawaran kita ini sebagai penebusan kebebasan anak kita,” pinta Saifudin.          “Buka!” bentak Nayan si Harimau Berantai.          Perlahan-lahan. Saifudin membuka balutan kain putih bungkusannya tersebut. Maka, terserlahlah senaskah kitab suci al-Quran. Berubah wajah Panglima Deris kerana menyangka dirinya dipersendakan.          Serta-merta Nayan si Harimau Berantai bertindak. Saifudin terpelanting ke belakang menerima penangan tendangan kaki kanan lelaki pembengis itu. Saifudin mengalami kepayahan. Naskah al-Quran masih dipangku di atas dadanya. Sayed al-Mutakhir dan Gadul menerpa memapah Saifudin bangkit.          “Terimalah tawaran kita ini.” Saifudin mengah bernafas.          “Tuan hamba mempersendakan hamba?!” Panglima Deris diamuk amarah.          “Bukan itu maksud kita. Sehebat mana diri manusia... kita semua tetap makhluk ALLAH yang lemah tidak berdaya.” Saifudin bertegas menegakkan iman.</p>	<p>Ketika berhadapan dengan penjahat yang menawan anaknya, Laksamana Sunan menawarkan al-Quran dan menyampaikan pesanan keimanan, tanpa rasa gentar dengan musuh yang kejam. (Halaman 67)</p>
<p>“Andai kita menang pertarungan itu kelak, apakah tuan panglima sanggup menerima tawaran kita?” Saifudin menggunakan kebijaksanaan berunding dengan orang yang sedang dikuasai amarah.          Panglima Deris tersentak disapa sedemikian rupa. “Apa tawaran tuan hamba?” Wajah Panglima Deris berubah menjadi merah padam.          “Kembalilah pada jalan ALLAH.” Tawaran yang biasa dikemukakan Saifudin kepada mana-mana musuh yang hendak menewaskannya.          Panglima Deris tergelak besar. “Baik, tapi andai tuan hamba tewas... seluruh keluarga tuan hamba akan hamba hukum bunuh!” Panglima Deris teramat yakin kemenangan akan berpihak kepadanya. Kata bicara yang terhambur merupakan buaran amarah yang menggelelak dari dalam jiwanya. Penguasa Hulu Melaka ini menganggap dirinya tidak sedarjat dengan Saifudin. Kerana itulah, dia sengaja memperlekehkan tawaran tersebut walhal ia dalam bentuk kebaikan.</p>	<p>Tawaran dari pihak musuh, dibalas dengan tawaran beriman dan kembali kepada Allah SWT sebagai syarat sekiranya beliau memenangi pertarungan tersebut. (Halaman 122)</p>
<p>Demi sahaja melihat tetamu yang tidak dipanggil itu hadir menjelmakan bentuk, maka bangkit berdirilah Saifudin. Lidahnya rancak melafazkan Maha Suci ALLAH dan tiada Tuhan selain ALLAH berulang-ulang kali.          “Kekuatan semawi itulah yang menyukarkan aku kala ini, wahai Laksamana Sunan.” Dua suara muncul serentak dengan rentak yang berbeza – suara perempuan bernada lembut disertai dengan suara lelaki yang kedengaran parau sekali.          “TUHAN kita adalah ALLAH dan Nabi Muhammad itu utusan ALLAH,” balas Saifudin penuh berhemah. Tetamu malam seawal-awal lagi mengisyaratkan persengketaan dan Saifudin menyambutnya dengan penegasan iman yang kukuh.</p>	<p>Tidak kira manusia atau mahluk halus yang dihadapi, Laksamana Sunan kekal berhujah mengajak kepada Allah SWT sebagai keutamaan dalam berbicara. (Halaman 96)</p>

<p>v. Lemah lembut dalam berdakwah</p> <p>“Bererti... bapa memberi keizinan kami berangkat ke Hulu Melaka?” tanya Andika.</p> <p>“Berhati-hati di tempat orang. Berdaganglah sejujurnya. Andai datang orang meminta belas kasihan, berikanlah apa yang kalian sayangi. Yang paling penting... kerjakan solat kerana itu tiang agama. Jangan runtuhkan agama. Kalian mengerti?” Saifudin berpesan.</p> <p>“Terima kasih, bapa...” ucap Andika.</p> <p>Gadul mengangguk girang. Perasaan mereka sungguh gembira tidak terkira.</p> <p>“Melangkahlah dengan zikirullah. Hiduplah dengan doa,” kata Saifudin.</p> <p>“Ya... kami sentiasa ingat pesan bapa,” kata Andika.</p>	<p>Ketika anaknya meminta izin untuk berdagang di tempat lain, Laksamana Sunan menasihati anaknya dengan baik, dan mengingatkan kembali tentang perihal ketaatan pada Allah SWT sebagai perkara utama. (Halaman 32)</p>
<p>“Tuan hamba sungguh perkasa,” keluh Nayan si Harimau Berantai.</p> <p>“Ketahuilah olehmu... ALLAH itulah Yang Maha Perkasa.” Saifudin merendah diri.</p> <p>“Tuan hamba akan membunuh hamba?” Nayan si Harimau Berantai masih mengah.</p> <p>“Tidak,” tegas Saifudin.</p> <p>“Kenapa? Bukankah hamba telah berbuat jahat kepada tuan hamba?”</p> <p>“Membunuh musuh itu dihalalkan apabila musuh itu terus berusaha membinasakan sesiapa saja. Namun... memaafkan itu lebih mulia daripada apa yang kalian sangkakan baik... hebat selama ini. Orang yang kuat adalah mereka yang bersabar dalam segala hal... terutama menjinakkan nafsunya sendiri. Di kalangan terbaik adalah... orang yang menganiaya dirinya sendiri, tapi segera kembali ke jalan ALLAH dengan sebenar-benar taubat nasuha.” Saifudin memujuk dengan dakwah agar Nayan si Harimau Berantai tidak lagi berlaku kejam terhadap sesama manusia.</p> <p>“Apakah ALLAH akan mengampunkan hamba yang jahat ini?”</p> <p>“Ketahui olehmu... ALLAH itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”</p>	<p>Ketika musuh yang kejam telah kecundang, Laksamana Sunan kekal berlemah lembut terhadapnya, berbicara perihal agama dan keyakinan kepada Allah SWT. (Halaman371)</p>

<p>vi. Rendah diri</p>	
<p>“Berhati-hatilah. Kita pernah melihat seekor harimau dari sana,” kata Saifudin.          “Harimau?” Raut muka Sayed al-Mutakhir juga turut berubah.          “Benar.” Jujur Saifudin mengakuinya.          “Kalau begitu... hamba ke musolah sajalah.” Sayed al-Mutakhir lekas berkalih dan bersegera pula menapak menjauhi belukar lalu bergegas naik ke musolah.          Tercuit perasan geli hati Saifudin apabila menyaksikan perubahan tingkah laku tetamunya itu. Wajah Sayed al-Mutakhir tampak risau ketakutan tatkala dia memperingatkan tentang kehadiran seekor harimau di kawasan belukar tersebut. Namun perasaan ibarat mengejek itu segera disingkirkan daripada jiwanya.</p>	
<p>“Takutlah pada ALLAH.” Saifudin memberi peringatan.          Harimau-harimau itu pun merengus-rengus selajur pergi dari situ, menyelinap ke dalam semak belukar dan lenyap dalam kegelitaan malam yang suram simbahan sinar bulan purnama yang muram - diselubungi gumpalan awan hitam yang pekat mengandungi hujan. Masa inilah guruh bertempik di angkasa raya.          “Dari mana bapa mengetahui ilmu penunduk binatang buas?” Andika yang kagum lekas bertanya.          Sekilas Saifudin hanya meleretkan bibirnya membentuk seulas senyuman yang sederhana. Tidaklah dia membongkak diri menjunjung riak ke langit.</p>	<p>Laksamana Sunan yang tidak takut kepada harimau yang pernah dilihatnya, tidak berbangga dengan kelebihan tersebut, malah menyingkirkan rasa negatif itu dari diri saat berbicara dengan orang lain.          (Halaman 61)          (Halaman 111)</p>
<p>“Aku... Origa... orang halus.” Kemudian empunya diri pun menyelak selubung kepala. Maka terserlahlah raut seorang perempuan yang berwajah cerah laksana bidadari cantiknya. Namun tercacat dengan bentuk telinga yang tirus ke atas. Memiliki renungan mata yang tajam. Helaian rambutnya tampak berkilau apabila tersimbah cahaya bulan. Bibirnya pula seakan tersenyum dan tidak... seolah-olah menyembunyikan muslihat. Tubuhnya kelihatan lampai mengatasi ketinggian Saifudin sendiri.          “Orang halus dari pergunungan ini? Maafkan kami andai perjalanan kami telah melanggar batas sempadan permukiman orang halus.” Saifudin merendah jiwa.</p>	<p>Walaupun berhadapan dengan entiti yang digeruni dan diketahui tidak berniat baik, Laksamana Sunan masih mengekalkan rendah diri dan bersopan ketika berbicara.          (Halaman 97)</p>

<p>Origa dan Prayuga serta-merta terundur hendak melarikan diri.          “Indera! Jangan!” Mujurlah Saifudin sempat menegah.          “Tapi mereka... bukan berniat baik!” balas Indera.          “Mereka... orang halus?” Abdol Rohman memicing pandangan hairan.          “Ya! Kami orang halus!” tempik Prayuga – membentak bengis.          “Sudahlah... mereka berbaik hati menghantar kita sampai</p>	<p>Laksamana Sunan turut melafazkan ucapan terima kasih kepada entiti tersebut yang membantu mengembalikannya ke tempat asal. Selain itu, Laksamana Sunan juga melarang rakan-rakannya mencederakan entiti tersebut.          (Halaman 206,207)</p>
<p>Origa dan Prayuga mencebik. Ketara sangat mereka tidak menyukai ungkapan itu.          “Terima kasih, Origa... Prayuga,” ucap Saifudin.          “Suatu hari nanti... bila pun harinya, kami akan datang semula, Sunan.” Origa mengatakan hal sedemikian yang berbaur dendam.          Indera, Panglima Awang Bagan, Abdol Rohman dan Maryam tidak terperanjat mendengarkan amaran tersebut. Lagipun kehadiran dua orang halus itu mengiringi Saifudin tampak sangat terpaksa. Origa dan Prayuga tidak ikhlas untuk berdamai.</p>	

<p>vii. Membantu mereka yang memerlukan</p>	
<p>“Mereka bermukim di satu tempat yang agak jauh dan manusia lain. Mereka sudah perih diusir dan dibentak-bentak!” kata Sayed al-Mutakhir lagi.          “Kalau saudara tidak keberatan... tinggallah di sini dulu dalam sehari dua.” Saifudin mempelawa.          Sayed al-Mutakhir sungguh terkejut. Bola matanya tergenang kerana hujung hatinya tersentuh dengan kebaikan Saifudin yang hanya dikenali sebagai Kiai Kelana.          “Terima kasih tuan Kiai Kelana,” ucap Sayed al-Mutakhir. Perasaannya terharu.          “Segala puji bagi ALLAH.” Saifudin menepuk-nepuk bahu lelaki perantau itu.</p>	<p>Laksamana Sunan menyantuni tetamu yang datang dengan mempelawa beliau menetap di rumahnya, saat mengetahui lelaki itu tiada tempat menetap.          (Halaman 40)</p>

## KESIMPULAN

Dakwah mempunyai definisi yang luas. *al-BayanĒniyy* (2010) mendefinisikan dakwah sebagai sejumlah kaedah dan ajaran yang dapat menyampaikan Islam kepada manusia, mengajar dan mempraktikkannya. Menurut Abd Aziz Mohd. Zin (1997), dakwah pada abad ke-21 hendaklah dilakukan dengan pendekatan yang agak berbeza dengan apa yang dilakukan sekarang, kerana abad tersebut mempunyai cirinya yang tersendiri. Ada juga yang mendefinisikan dakwah sebagai suatu misi, propaganda atau proses penyebaran agama Islam (Badlisham Mohd Nasir, 2003). Justeru, dapat disimpulkan bahawa dakwah merupakan satu proses dengan disiplin dan rukunnya yang tersendiri. Ia bukan sekadar membicarakan isu pendakwah, malah dakwah juga berkisar tentang kaedah dakwah dan topik atau tajuk dakwah yang disampaikan.

Watak utama di dalam kajian ini iaitu Laksamana Sunan menepati ciri-ciri seorang pendakwah. Wataknya yang hidup dan penuh dengan mesej positif bukan sekadar membangkitkan kehairahan dalam pembacaan, malah wataknya menjadi contoh yang baik kepada seorang pendakwah. Ini dapat dilihat dalam contoh yang dikemukakan apabila beliau bukan sekadar seorang yang taat pada perintah Allah, malah beliau menitik beratkan nilai ibadah sebagai perkara utama dalam kehidupan seharian. Beliau juga memiliki kesabaran yang tinggi serta rendah diri dalam setiap perkataan dan perbuatannya.

Di samping watak pendakwah yang ingin ditonjolkan, kaedah atau metod merupakan satu lagi elemen terpenting dalam kajian ini. Pendakwah yang berkesan akan mengenal mad'u atau orang yang akan menerima dakwah terlebih dahulu sebelum dakwah disampaikan. Dengan cara ini, dakwah akan disampaikan dengan lebih berkesan dan efektif. Begitu juga teknik yang dipraktikkan oleh Laksamana Sunan. Beliau merupakan seorang yang tegas dan berprinsip di hadapan musuh. Tetapi beliau seperti teman sejati apabila berhadapan dengan anaknya.

Justeru itu, kajian intertekstualiti di antara kisah Nabi Musa a.s dengan Novel Sunan Musafir ini dapat mengajar kita melihat sesuatu perkara dalam dimensi yang lebih luas. Dakwah tidak sekadar kuliah di masjid dan surau, ia juga boleh berlaku dalam bidang sukan, seni muzik dan penulisan seperti yang diketengahkan oleh novel ini.

## RUJUKAN

Al-Qur'ân Al-Karîm

Ab Aziz Mohd Zin. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Karim Zaydan, (2011). *Hikmah Kisah-kisah Dalam Al-Quran*. Jakarta : Darus Sunnah Press.

'Abd al-Mun'im Daud 'Abd al-Qadir, (2000). *Al-UslÛb Al-Qa'la'fi fi al-Qur'En al-KarÊm : DirÊsah Maulu'iyah li Qi'Îah Nabi Allah MÊsÊ 'alaih al-SalÊm*. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Abdul Mustaqim, (2011). *Al-Quran : Hakikat, Makna dan Nilai-nilai Pendidikannya*. Jurnal Ulumuna, Vol. 9, No. 2, 265-290.

Al-Bayanuniyy, Muhammad Abu al-Fath. (2010). *al-Madkhal Ila Ilmi Ad-Da'wah*. Beirut, Lubnan: Darul Risalah al-Alamiyah.

Amru Khalid, (2014). *Riwayat Lengkap dan Untaian Kisah Para Nabi & Rasul*. Selangor : Jasmin Publication.

Badlisham Mohd Nasir (2003), *Da'wah And The Malaysia Islamic Moverments*. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd

Hamka, (2015). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta : Gema Insani.

Ibn KathÊr, (2003). *Tafsir Ibnu Katsir*. Medan : Pustaka Imam Asy-Syafi'i.

Koh Young Hun, Ummi Hani Abu Hasan, (2015). *Fenomena Novel Popular Islam di Malaysia dan Indonesia : Bacaan Khusus Terhadap Novel 'Ayat-ayat Cinta' dan 'Salju Sakinah*, Jurnal Melayu, Vol. 14, No.1, 92-102.

M.Faisol, (2017), *Interpretasi Kisah Nabi Musa Perspektif Naratologi Al-Quran*, ISLAMICA: Jurnal Studi Keislaman, Vol. 11, No. 2, 365-392.

Nor Syuhada binti Mohd Basir, (2012). *Penulisan Islamik Sebagai Medium Pendekatan Dakwah*, Disertasi Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.

Nuh Faqir, (2013), *'Abaq al-Rai'Én fi 'UlÉm al-QurÉn*. 'Amman : Maktabah Dandis. 205.

Ramlee Awang Mursyid, (2012). *Sunan Musafir*. Shah Alam : Grup Buku Karangraf.

Suhaimi Abdul Aziz, (2010), *The Development of the Popular Malay Cult Novel*,  
Kunapipi: Journal of Postcolonial Writing and Culture, Vol. 32, No. 7, 61-66.

Syauqi Abu Khalil, (2006), *Atlas Al-Quran*. Jakarta : Penerbit Al-Mahira.

Syed Qutb, TafsÊr fÊ ÚilÉl.

<https://tafsirzilal.files.wordpress.com/2015/04/muqaddimah-melayu1.pdf>

Akhbar Sinar Harian (akses pada 15 Februari 2018).

<http://www.sinarharian.com.my/hiburan/prinsip-ramlee-awang-murshid1.276725>

Akhbar Kosmo (akses pada 15 Februari 2018).

[http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0923&pub=kosmo&sec=du  
nia&pg=du\\_05.htm](http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0923&pub=kosmo&sec=du<br/>nia&pg=du_05.htm)